



DBKL berusaha menampung kekurangan PPR dengan pelaksanaan projek baharu.

DBKL bina 3,133 Rumah Majlis, Residensi Wilayah

Kuala Lumpur: Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan membina 3,133 unit Rumah Majlis untuk disediakan selain Rumah Mampu Milik yang dikenali sebagai Residensi Wilayah untuk jualan.

Pelaksanaan ini adalah inisiatif bagi menampung kekurangan rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan memenuhi keperluan perumahan warga kota.

Jabatan Perancangan Korporat DBKL melaporkan status permohonan yang masih menunggu rumah PPR mengambil masa kerana permohonan yang diterima oleh pihaknya ketika ini sangat tinggi, namun penawaran yang dapat dibuat pula adalah terhad.

"Pemohon perlu sentiasa mengemaskini maklumat



Pemohon perlu sentiasa mengemaskini maklumat peribadi dalam sistem ePerumahan setiap tahun bagi memastikan permohonan mereka sentiasa aktif untuk dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Peruntukan Rumah Awam"

Kenyataan DBKL

peribadi dalam sistem ePerumahan setiap tahun bagi memastikan permohonan mereka sentiasa aktif untuk dipertimbangkan da-

» BERSAMBUNG DI MUKA 3

» DARI MUKA 2

lam Jawatankuasa Peruntukan Rumah Awam," katanya pada kenyataan.

DBKL juga menggalakkan pemohon menerima tawaran unit kosong yang sedia diduduki tanpa meletakkan syarat-syarat tertentu seperti tingkat yang lebih rendah, memiliki lokasi yang berdekatan tempat kerja dan kemudahan awam.

Katanya, penduduk yang sudah menetap di rumah PPR perlulah memastikan mereka menjaga kediaman itu dengan sebaiknya.

"Bagi penduduk yang mendiami PPR, jadilah penyewa yang berhemah dengan menjaga kemudahan yang disediakan dan tidak culas membayar sewa unit kerana masih ramai di luar sana menunggu panggilan masuk ke PPR," katanya.



PENDUDUK yang menetap di PPR diminta menjadi penyewa yang berhemah.

Sementara itu, DBKL juga membangkitkan isu menyewakan unit kediaman PPR kepada warga asing.

"Jumlah kes diterima meningkat malah penyewa tempatan ini seolah-olah tidak rasa bersalah meningkatkan harga sewa bulanan kepada warga asing.

"Penyewa yang disyaki menyewakan unitnya kepada orang lain akan diambil tindakan penguatkuasaan dan kami akan menamatkan perjanjian penyewaan," katanya.

DBKL juga sentiasa membuat pemantauan bancian berkala bagi mengelakkan kegiatan itu berleluasa.

"Kebiasaannya, pemantauan akan dilakukan setiap tiga bulan sekali, tetapi jika disyaki ada salah laku, kami akan melakukannya dengan lebih kerap," katanya.